



TEKS UCAPAN

**YS PPjB MOHD PISAR BIN AZIZ
PENGARAH JBPM NEGERI MELAKA**

**SEMPENA
PERBARISAN TAHUNAN TAHUN 2025
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

**PADA
27 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

**MASA
9.00 PAGI**

**TEMPAT
DEWAN DATO' SRI TS MUHAMMAD HAMDAN BIN WAHID
JBPM NEGERI MELAKA**



Terima kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis, PBK I (KUP) Uni Kalsom binti Hassan dan PBK II (KUP) Mohamad Safiee bin Mohamad Masrom dan terima kasih juga kepada al-Fadhil TPgB II Kamaruddin bin Mustafa, yang telah membacakan doa, memohon rahmat Allah ke atas majlis pada hari ini.

Assalamualaikum WBT,

Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra,

Salam “Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia”

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat,

Salam Malaysia Madani,

PgKB 1, R. Saiful Iswandy bin R Hasan

Timbalan Pengarah,

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka

PgKB II Mohd Shahrom Bin Laji

Penolong Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka

Yang Berbahagia Encik Abd Razak bin Abu,

Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, mewakili

YB Datuk Mohd Noor Helmy bin Abdul Halem,

Timbalan Exco Sains Dan Teknologi, Inovasi Dan Komunikasi Digital Negeri Melaka

Penolong Pengarah Bahagian, Ketua Zon, Ketua-ketua Balai Bomba,

Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Negeri Melaka,

Barisan Jawatankuasa KESATUAN Caw. Negeri Melaka

Barisan Jawatankuasa PERISMA Negeri Melaka

Barisan Jawatankuasa Persatuan Pesara Pegawai Bomba Negeri Melaka

Para Pesara JBPM Negeri Melaka

Persatuan Pasukan Bomba Sukarela Negeri Melaka

Rakan-Rakan Media, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MUKADIMAH PERUTUSAN

1. Bagi meneruskan ucapan ini, ingin saya memetik sebuah hadis Rasulullah SAW yang bermaksud :

**"Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi orang lain."
(Hadis riwayat Ahmad)**

2. Hadis ini mengingatkan kita tentang tugas kita sebagai anggota masyarakat dan organisasi bukan hanya untuk memenuhi kepentingan diri sendiri, tetapi juga untuk bermanfaat kepada orang lain di sekeliling kita. Maka marilah kita berusaha untuk menjadi individu yang memberi manfaat kepada keluarga, rakan sekerja, dan masyarakat, serta menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan keikhlasan.

3. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam suasana penuh mesra dan harmoni dalam Majlis Perbarisan Tahunan Tahun 2025 JBPM Negeri Melaka.

5. Sukacitanya saya mengalu-alukan kehadiran para jemputan ke majlis pagi ini, khususnya kepada para penerima sijil penghargaan yang banyak membantu dan mendokong Jabatan ini serta tidak lupa seluruh pegawai dan anggota JBPM Negeri Melaka.

Tuan-Tuan / Puan-Puan yang dihormati sekalian,

PENCAPAIAN JBPM NEGERI MELAKA TAHUN 2024

6. Pelbagai kejayaan telah kita raih sepanjang tahun 2024 dan saya selaku Pengarah JBPM Negeri Melaka menzahirkan rasa rendah hati dan bersyukur atas komitmen dan kesungguhan tuan-tuan dalam mengangkat dan mengharumkan nama Jabatan. Tidak kira dari aspek tugas operasi kebombaan, latihan, sukan, mahupun aktiviti, sumbangan serta pertandingan dan penilaian, tuan-tuan dan puan-puan semua telah membuktikan komitmen yang tidak berbelah bahagi kepada Jabatan tercinta ini.

7. Antara pencapaian membanggakan adalah, kita telah berjaya menganjurkan program Larian Bersama Bomba 2024 di Melaka yang berlangsung di Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Banda Hilir, pada 18 Mei 2024 telah mencatat kejayaan besar dengan penyertaan lebih daripada 6,000 peserta dari pelbagai lapisan masyarakat. Acara ini bukan sahaja menjadi platform untuk mempromosikan gaya hidup sihat, tetapi juga memperkukuhkan hubungan antara warga bomba dan komuniti setempat. Program ini turut dijayakan oleh Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh, dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming.

8. JBPM Negeri Melaka juga telah memperolehi kejayaan dalam Kejohanan Sukan Bomba Malaysia (SUKBOM) Tahun 2024 di JBPM Negeri Kedah dan Perlis. Para atlit JBPM Negeri Melaka telah bertanding di dalam 11 acara dan berjaya memperolehi 2 EMAS, 5 PERAK dan 2 GANGSA dari sukan Mr. Wonderful, Olahraga, Karom, Dart, Bowling, Ping Pong dan Badminton.

9. JBPM Negeri Melaka juga telah mendapat Anugerah Penarafan 5 Bintang dalam Pembudayaan Integriti dan Anti Rasuah sempena Hari Integriti JBPM dan Anugerah Penarafan 5 Bintang pada Minggu Inovasi 2024 JBPM pada 17 – 19 November 2024.

Saya berharap agar semua pengiktirafan yang telah diterima seharusnya menyuntik semangat warga JBPM Negeri Melaka untuk terus mencipta kecemerlangan pada tahun 2025 ini dan tahun-tahun akan datang.

Tuan-Tuan / Puan-Puan yang dihormati sekalian,

RESPON PANTAS & KESIAPSIAGAAN OPERASI

9. Pada tahun **2024**, JBPM Negeri Melaka telah menghadiri sebanyak **5,081 panggilan kecemasan** iaitu **1,850 (36.4%) panggilan melibatkan kebakaran, 3,097 (60.9%) panggilan penyelamatan, 130 (2.5%) panggilan tugas-tugas khas dan 4 (0.07%) panggilan palsu**. Purata panggilan yang di terima oleh JBPM Negeri Melaka adalah **13 panggilan sehari**. Jumlah keseluruhan panggilan menunjukkan **peningkatan sebanyak 13%** berbanding **4,494 panggilan kecemasan pada tahun 2023**.

10. Panggilan kebakaran telah menunjukkan **peningkatan** yang besar iaitu **sebanyak 33.9%** berbanding sebanyak **1,381 pada tahun 2023**. Panggilan penyelamatan juga meningkat **sebanyak 2%** berbanding tahun sebelumnya. Perkembangan ini dipercayai berpunca dari kepelbagaian aktiviti masyarakat dan sebahagian lagi akibat bencana alam yang merupakan fenomena global pada hari ini.

13. Pencapaian **National Average Response Time (NART) JBPM Negeri Melaka** yang mencatatkan **7.52 minit pada tahun 2024** adalah satu pencapaian yang terbaik. Ia menunjukkan JBPM Negeri Melaka berupaya memberikan perkhidmatan kecemasan dengan pantas daripada **had masa yang disasarkan, iaitu 9.30 minit**. Pencapaian ini memberi impak yang besar terhadap harapan masyarakat dalam berdepan situasi kecemasan dan sekaligus meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap keupayaan pasukan penyelamat barisan hadapan ini. Besarlah harapan jabatan supaya setiap lapisan masyarakat bersama-sama membudayakan keselamatan kebakaran bagi mewujudkan persekitaran selamat di setiap premis. Adalah penting untuk kita berganding bahu membendung bahaya kebakaran daripada menggugat keselamatan dan keharmonian hidup kita.

PERANAN PILI BOMBA & TEMAN PILI BOMBA

15. Pili bomba berperanan sebagai sumber air utama dalam operasi pemadaman kebakaran. Keberkesanan fungsinya mencerminkan tahap kesiapsiagaan dalam menghadapi sebarang kecemasan. Di Negeri Melaka, terdapat **sebanyak 18,427 unit pili bomba**, dan kesemuanya telah berjaya diperiksa bagi memastikan ia berfungsi dengan baik.

16. Program Teman Pili Bomba memainkan peranan penting dalam memastikan pili bomba sentiasa berkeadaan baik. Bapa/ibu angkat Pili Bomba bertanggungjawab memantau, melapor kerosakan dan mencegah berlakunya vandalisme. Pada **tahun 2023, seramai 3,558 orang** awam telah mendaftar sebagai Teman Pili Bomba. Jumlah ini **meningkat kepada 4,063 orang pada tahun 2024**.

Tuan-Tuan / Puan-Puan yang dihormati sekalian,

KESELAMATAN KEBAKARAN BANGUNAN DAN PENERAJU PEMBANGUNAN NEGARA

17. Bagi tujuan pembangunan negara dan penguatkuasaan undang-undang, JBPM Negeri Melaka telah menerima sebanyak **576 permohonan** perakuan bangunan yang merangkumi pelan arkitektural dan mekanikal & elektrik (M&E). Daripada jumlah tersebut, sebanyak **69.79% atau 402 permohonan telah diluluskan**, manakala **30.21% atau 174 permohonan telah ditolak** kerana tidak mematuhi peraturan & piawaian keselamatan kebakaran. Selain itu, sebanyak **124 pemeriksaan** ke atas projek pembangunan telah dijalankan bagi tujuan sokongan Certificate of

Completion and Compliance (CCC). Hasil daripada pemeriksaan tersebut, **95.97% atau 119 projek** telah mendapat **kelulusan**, manakala **4.03% atau 5 projek telah ditolak** kerana ketidakpatuhan kepada undang-undang dan standard keselamatan kebakaran.

18. Pada tahun 2024, sebanyak **330 buah premis** telah didaftarkan sebagai **Premis Ditetapkan** dimana 23 adalah premis kerajaan dan 307 adalah premis swasta. Daripada jumlah tersebut, **280 premis** telah dibuat pemeriksaan bagi tujuan Perakuan Bomba dan **280 sijil** perakuan bomba telah dikeluarkan.

19. Sebanyak **434 premis telah diperiksa**, dan **66** daripadanya didapati tidak mematuhi peraturan keselamatan kebakaran. Susulan itu, **360 Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran (MBK)** telah dikeluarkan, antaranya:

- 305 notis (2(d)) – Kelengkapan atau pemasangan menentang kebakaran tidak berada dalam keadaan baik.
- 32 notis (2(c)) – Ketiadaan atau pengalihan kelengkapan menentang kebakaran.
- 13 notis (2(f)) – Keadaan yang meningkatkan risiko kebakaran.
- 9 notis (2(e)) – Jalan keluar yang tidak mencukupi.
- 1 notis (2(a)) – Pengubahan yang menyukarkan pelepasan diri.

Untuk tahun 2025 ini, JBPM Negeri Melaka akan terus komited dalam melaksanakan penguatkuasaan undang- undang samada Penghapusan Bahaya Kebakaran (MBK) mahupun Perakuan Bomba (FC).

Tuan-Tuan / Puan-Puan yang dihormati sekalian,

PENYIASATAN KEBAKARAN

20. Dari aspek Penyiasatan Kebakaran, sepanjang tahun 2024, **sebanyak 596 kes kebakaran** telah disiasat iaitu **488 kebakaran struktur** dan **108 kebakaran kenderaan**. Bagi kebakaran **struktur**, **sebanyak 475 atau 97%** kes **berpunca daripada kemalangan**, dan **13 atau 3% kes sengaja bakar**. **Kebakaran rumah kediaman** mencatatkan peratusan yang **tertinggi iaitu sebanyak 191 @ 39%**. Manakala **elektrik** merupakan sumber nyalaan **tertinggi iaitu 374 kes** dan sebahagian besarnya diakibatkan oleh **Resistance Heating (365 kes)** berpunca dari pendawaian yang uzur dan tidak sempurna.

Tuan-Tuan / Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MEMPERKUKUHKAN PASUKAN BOMBA SUKARELA (PBS)

21. Adalah menjadi hasrat jabatan untuk memperkukuhkan lagi Pasukan Bomba Sukarela (PBS) sebagai salah satu strategi utama dalam menambah baik response time jabatan bagi menghadapi sebarang kejadian kecemasan, khususnya di kawasan yang jauh dari balai bomba utama. Pada masa ini, terdapat empat pasukan bomba sukarela yang masih aktif di Negeri Melaka, yang memainkan peranan penting dalam memberikan bantuan awal sebelum ketibaan pasukan bomba. Keberadaan PBS ini meningkatkan keberkesanan operasi menyelamatkan serta membina kesedaran keselamatan kebakaran dalam kalangan masyarakat setempat.

22. Menyedari kepentingan dan peranan yang dimainkan oleh PBS, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM3,000.00 bagi setiap pasukan untuk tujuan pengurusan, penyelenggaraan peralatan, latihan ahli, serta aktiviti yang dapat memperkasakan kesiapsiagaan pasukan dalam

menghadapi kecemasan. Diharapkan dengan sokongan ini, PBS dapat terus beroperasi dengan lebih efisien dan memberi manfaat besar kepada komuniti setempat. Selain itu, jabatan juga berhasrat untuk menambah bilangan pasukan bomba sukarela di kawasan yang masih belum memiliki PBS serta menggalakkan lebih ramai sukarelawan untuk menyertai pasukan ini melalui program kesedaran dan latihan berstruktur.

PERISMA JBPM NEGERI MELAKA

22. Pada tahun 2024, Persatuan Suri dan Anggota Wanita Bomba dan Penyelamat Malaysia (PERISMA) Negeri Melaka telah mula bergiat aktif untuk bersama-sama melihat kebajikan dan kebersamaan warga bomba dalam pelbagai aspek, antaranya dalam kontak "Hablun minannas" ("hubungan dengan manusia") iaitu hubungan sesama manusia, terutama dalam aspek sosial, kemasyarakatan, dan akhlak antaranya adalah seperti berikut;

- I. Menganjurkan Pertandingan Boling PERISMA
- II. Program Cabaran Wanita Waja (Hiking) Peringkat Negeri Melaka 2024: mendaki Gunung Ledang
- III. Program Pendakian di Bukit Beruang,
- IV. Program zirah kasih menyantuni ahli keluarga PERISMA yang sakit atau meninggal dunia.
- V. Kunjung hormat kepada Toh Puan Datuk Wira Hajah Asmah binti Ab Rahman, Isteri kepada Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Melaka di Istana Melaka.

PENGHARGAAN KEPADA PEGAWAI BOMBA / ORANG AWAM / MEDIA

24. Pada hari ini, saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada barisan Media Negeri Melaka samada media cetak maupun elektronik yang tidak jemu-jemu memberikan sorotan kepada Jabatan ini. Dengan sokongan tuan puan sekalian, masyarakat dapat

mengenal Jabatan ini dengan lebih dekat, selain membantu menyebarkan info-info keselamatan kepada masyarakat di Negeri Melaka khususnya dan Malaysia umumnya.

25. Akhir kata, saya dan seluruh warga JBPM Negeri Melaka ingin menzahirkan segunung penghargaan ke atas “Wira-Wira Penyelamat” yang terdiri daripada orang awam dan juga pegawai bomba, yang telah menunjukkan keberanian dan semangat juang yang tinggi bagi membantu sesama masyarakat dalam apa jua situasi yang berlaku. Syabas dan terima kasih saya ucapkan.

PENUTUP

25. Sebelum saya berundur, saya memohon mengambil kesempatan ini sekali lagi Syabas dan tahniah diucapkan juga kepada semua jawatankuasa Perbarisan Tahunan di atas usaha dan inisiatif mereka menggerak dan menjayakan majlis kita pada pagi yang berbahagia ini.

26. Akhir sekali saya serta keluarga saya, memohon ampun dan maaf kepada semua, sekiranya terdapat kekasaran atau ketidak keselesaan semasa saya menerajui Jabatan ini.

27. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan kepada semua Selamat Menyambut Bulan Ramadhan yang akan tiba tidak lama lagi.

***Rumah terbakar panggil bomba,
Bomba datang berlumba-lumba,
Silap dan salah menyusun kata,
Ampun dan maaf pohon dipinta,***

Dengan ini saya sudah ucapkan saya dengan lafaz Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.

Sekian. Terima kasih.